

# ‘Malam Budaya India’

## platform terbaik tonjol

### kebudayaan masyarakat India

DE 21-4-2014 3

LABUAN: Malam Budaya India 2014, anjuran pelajar India Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS KAL) merupakan platform terbaik pelajar India menonjolkan kebudayaan mereka kepada masyarakat lain, kata Timbalan Menteri Pendidikan P. Kalamanathan.

Katanya semangat pelajar India menganjurkan malam budaya itu bukan sahaja dapat menjalinkan hubungan lebih rapat dalam kalangan masyarakat India sendiri tetapi juga memberi peluang kepada kaum lain mengenali lebih rapat keunikan budaya kaum berkenaan.

“Para pelajar seharusnya berasa bangga dengan usaha mereka menganjurkan malam kebudayaan ini kerana ia dilihat sebagai mengekalkan warisan zaman berzaman kaum India,” katanya ketika berucap pada majlis Malam Budaya India 2014 di sini, malam Sabtu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Prof Madya Datuk Dr Kassim Md Mansur, anggota Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli dan Penggerusi MIC Sabah Datuk V. Jothi.

Menurut Kalamanathan penganjuran malam budaya India berkenaan juga merupakan kejayaan pelajar UMS KAL menyemarakkan program bercorak kebudayaan di negara ini sekali gus berkongsi kebudayaan mereka dengan pelajar luar negara yang menuntut di kampus itu. – Bernama